



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PEMBACA METER TINGKAT I (D.1-2 EB.3)
JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



- 1. PEMBACA METER TINGKAT I
JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
D.1-2 EB.3 (\$530 - \$1,125 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) 4 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa atau sebanding.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Kerja Raya dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurang dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai kebolehan mengawas.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membaca meter;
2. Menghantar tuntutan air;
3. Membantu Merinyu *spot check* bacaan;
4. Menolong mengawasi Pembaca-Pembaca Meter serta mengetahui keseluruhan kawasan yang ditugaskan;
5. Memeriksa setiap rumah baru yang dibekalkan dengan air;



6. Mengawasi penghantaran tuntutan air;
7. Membantu Merinyu memastikan semua bacaan meter dilaksanakan dan bacaan adalah teratur dan betul; dan
8. Memeriksa aduan orang ramai mengenai tuntutan air dan meter rosak dan memastikan masalah diselesaikan dengan efisien dan tepat.